

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JANUARY 2017

# KERUSI PANAS 'TPM'



**S**EBENARNYA jawatan Timbalan Perdana Menteri atau TPM itu diwujudkan dalam konteks konvensyen sahaja.

Sebagai konvensyen, Perdana Menteri biasanya memilih salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO untuk dilantik sebagai TPM. Tiada undang-undang yang mewajibkan jawatan itu diisi.

Apabila Tun Abdul Razak menjadi PM selepas Tunku Abdul Rahman pada 1970, beliau tidak memilih salah seorang daripada Naib Presiden UMNO ketika itu. Sebaliknya beliau memilih Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, seorang yang terkenal dengan sahsiah diri dan ketegasan sebagai TPM.

Dengan itu tradisi memperuntukkan jawatan TPM kepada salah seorang Naib Presiden UMNO pernah diketepikan oleh seorang Perdana Menteri.

Hal ini berbeza pula dengan pendirian Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn. Apabila Hussein menggantikan Tun Razak pada 1976, Tun Ghazali Shafie merupakan orang yang paling hangat diperkatakan. Tetapi beliau bukan Naib Presiden UMNO. Oleh yang demikian, beliau tidak mendapat jawatan sebagai TPM.

Sebaliknya yang menjadi nombor dua ialah Dr. Mahathir Mohamad, salah seorang daripada Naib Presiden UMNO pada 1976. Dan Dr. Mahathir bukanlah orang yang mendapat undian paling tinggi dalam kalangan Naib Presiden itu.

Cuma setakat hari ini belum pernah lagi TPM dipilih daripada calon luar UMNO, parti yang membentuk majoriti dalam kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Pemilihan para menteri termasuk TPM menjadi hak eksklusif Perdana Menteri. Jawatan TPM



MAHATHIR MOHAMAD



ANWAR IBRAHIM



LIM KIT SIANG



ISMAIL ABDUL RAHMAN

**Cuma setakat hari ini belum pernah lagi TPM dipilih daripada calon luar UMNO, parti yang membentuk majoriti dalam kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN)."**

sama seperti Ketua Setiausaha Negara dalam perkhidmatan awam yang merupakan jawatan 'ciptaan' pentadbiran kerana tiada diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Walau bagaimanapun, pengalaman dan amalan di Malaysia selama 59 tahun sejak merdeka, TPM dikurniakan dengan fungsi dan peranan tertentu sebagai timbalan kepada Perdana Menteri. Sesiapa yang menduduki jawatan nombor dua itulah kebiasaannya sudah melangkah sebelah kaki menggantikan Perdana Menteri.

Kerana itu jawatan nombor dua TPM ini penting. Andai terdetik ayat atau perkataan berupa pengakuan berhubung hasrat sesebuah parti mahu mencalonkan individu bukan Melayu sebagai TPM, perkara itu tidak boleh dipandang ringan. Seolah-olah mahu menguji atau *test market* sentimen orang Melayu di negara ini.

Cuma, satu hal yang belum pasti ialah sama ada tradisi kedudukan *status quo* TPM dalam

kalangan orang Melayu ini berani atau tidak berani diubah. Khususnya oleh parti yang bukan BN andai mereka berkuasa.

Di sebalik jawatan TPM yang hangat diperkatakan berikutan minat yang ditunjukkan oleh Penasihat DAP, Lim Kit Siang, sesuatu yang lebih besar lagi yang harus diberi perhatian ialah jawatan nombor satu, Perdana Menteri (PM).

Pemilihan PM dalam kalangan ketua atau Presiden UMNO lebih merupakan satu tradisi politik dan bukan peruntukan undang-undang kerana Artikel 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan bangsa, agama atau keturunan sebagai suatu ketetapan kepada pemimpin politik untuk dilantik sebagai PM atau TPM.

Sejak 1955 hanya bangsa Melayu dilantik sebagai PM boleh diperdebatkan tetapi memandangkan bangsa Melayu merangkumi lebih 61 peratus penduduk negara ini, perkara itu tidak dipersoalkan.

Namun isu kenapa hanya bangsa Melayu mendapat keistimewaan dilantik sebagai PM dapat dijelaskan melalui sejarah negara ini, terutamanya pada aspek-aspek yang berkaitan dengan nasionalisme tempatan. Faktor lain tentunya berkaitan dengan bilangan.

Perkara ini akan sentiasa menjadi perkara penting dalam senario politik Malaysia walaupun jawapannya adalah jelas iaitu UMNO mendapat majoriti setiap

kali dalam 13 pilihan raya umum lalu.

Waima apa pun, jawatan PM, lebih-lebih lagi TPM tidak boleh diperjudikan kepada individu atau parti di luar tradisi atau kebiasaan.

Kisah seorang penyandang jawatan TPM pada suatu ketika untuk mempersiapkan diri mengisi jawatan PM pernah menjadi perbualan kedai kopi semasa Putrajaya giat dibina.

Sebagai Menteri Kewangan ketika itu, sebelum kejatuhannya pada 1998, Anwar Ibrahim berkuasa dalam pengagihan kerja dan pembiayaan.

Walau bagaimanapun, beliau secara terang-terangan tidak mengambil tindakan untuk mempercepatkan pembinaan kediaman TPM di Putrajaya. Sebaliknya mengambil tindakan yang cepat untuk menyiapkan kediaman baharu PM, Seri Perdana.

Di kemuncak perbalahan politik dan undang-undang antara Dr. Mahathir dan Anwar selepas 2 September 1998, pengkritik-pengkritik Anwar yakin bahawa beliau tidak akan menduduki kediaman TPM sebaliknya akan menduduki Seri Perdana dalam masa terdekat.

Penegasan ini tidak pernah disahkan kesahihannya. Namun telah dijadikan satu gurauan politik yang kuat untuk orang baharu.

Kedudukan jawatan TPM sentiasa panas termasuk individu yang mengisinya. Elok jangan dipolemikkan.

UM - 24/1/2017